

24 JUL 1997

Asean-EAEC

MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN GESA EAEC DITUBUHKAN SECARA RASMI

PETALING JAYA, 24 Julai (Bernama) -- Menteri-menteri luar Asean yang berada di sini kerana menghadiri mesyuarat tahunan ke-30, dijangka menggesa Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) ditubuhkan secara rasmi dengan segera.

Dalam draf kenyataan rasmi disediakan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Ke-30 selama dua hari yang bermula di sini hari ini, menteri-menteri luar menyatakan terdapat peningkatan kerjasama di kalangan anggota-anggota EAEC yang berpotensi.

Rangsangan daripada perkembangan ini, mereka melahirkan harapan perundingan itu yang diilhamkan oleh Malaysia pada 1990, akan ditubuhkan secara rasmi dengan segera bagi faedah bersama kesemua anggotanya.

Selain sembilan negara anggota termasuk Laos dan Myanmar yang diterima memasuki Asean semalam, anggota potensi EAEC yang lain adalah Jepun, China dan Korea Selatan.

Hubungan Asean dengan tiga kuasa ekonomi Asia itu semakin erat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketiga-tiga negara itu adalah rakan dialog Asean dan mereka membentuk blok Asia bagi Mesyuarat Asia-Eropah yang ditubuhkan tahun lalu.

Kebanyakan anggota Asean serta Jepun, China dan Korea Selatan juga menganggotai Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Ketua-ketua Asean juga akan menemui rakan sejawatan mereka dari ketiga-tiga negara itu dalam satu sidang kemuncak rasmi di sini Disember depan.

Malaysia mencadangkan penubuhan EAEC tujuh tahun lalu sebagai forum rundingan bebas bagi negara-negara di Asia Timur untuk membincangkan isu-isu ekonomi biasa terutama ketika rantau ini menjadi entiti ekonomi sejagat yang penting.

Sejak daripada itu, ia telah berkembang ke dalam cadangan Asean dengan kumpulan serantau itu memutuskan Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) akan bertanggungjawab bagi operasi EAEC.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa menggalakkan EAEC sejak pertama kali ia dicadangkan, menyatakan perundingan itu akan konsisten dengan sistem perdagangan pelbagai hala.

Diplomat-diplomat Asean berkata EAEC boleh berfungsi sebagai kuasa penyatuan untuk meluahkan pandangan negara-negara Asia Timur di pelbagai mesyuarat dan forum antarabangsa.

Satu daripada kesukaran utama untuk merealisasikan EAEC adalah bantahan dari Amerika Syarikat manakala Jepun masih lagi belum memberikan persetujuannya.

Bagaimanapun, sektor swasta di Asia Timur menyambut baik idea itu dengan menyatakan ia akan menawarkan landasan berharga bagi anggota-anggota perundingan berkenaan untuk mengetengahkan pendirian bersatu mereka mengenai isu ekonomi sejagat yang akan memberi ruang yang lebih baik berbanding jika ia dilakukan secara individu. -- BERNAMA

AD TCL ZK RON